

06/09/1997

Jadikan buku panduan

WAKIL Badan Perhubungan Umno Pahang, Abdul Fatah Abdullah, mencadangkan buku karya Dr Mahathir, Dilema Melayu diterbitkan dalam bentuk ringkas serta diedarkan kepada lebih dua juta ahli Umno di seluruh negara.

"Buku itu boleh dijadikan kitab panduan supaya setiap ahli dapat memahami mesej yang terkandung serta mempelajari sejarah bangsa," katanya.

Beliau berkata, parti perlu mengwujudkan satu mekanisme ingat-mengingati supaya ahli tidak leka serta hanyut dibuai mimpi selepas negara mencapai banyak kejayaan.

(END)